

**PENGURUSAN RISIKO SYARIAH DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM):  
PERANAN MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL SYARIAH (MJPS)**

***SHARIAH RISK MANAGEMENT AT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM): THE  
ROLE OF THE ISLAMIC LEGAL ADVISORY CENTER (MJPS)***

<sup>i\*</sup> Zulfaqar Mamat, <sup>ii</sup> Irwan Mohd Subri & <sup>iii</sup> Razman Ibrahim

<sup>\*i</sup> Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang & Penyelaras Syariah, SCIROSH, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>ii</sup> Professor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang & Pengerusi, Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>iii</sup> Penolong Pendaftar Kanan, SCIROSH, Universiti Sains Islam Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [zulfaqar@usim.edu.my](mailto:zulfaqar@usim.edu.my)

## ABSTRACT

Public universities in Malaysia currently place significant emphasis on the aspect of risk management in their administration. This can be observed through the establishment of Responsibility Centers (PTj) that coordinate and monitor the implementation of risk management in these universities. In the context of Sharia, risk management has its own specific meaning, encompassing various forms of advice, control, and approaches to ensure that all matters related to policy development, guidelines, or products comply with Sharia principles. This qualitative study aims to examine the role of MJPS (Islamic Legal Advisory Center) at USIM in managing Shariah risks in the university's administration, in line with its responsibility to assist and advise USIM on Shariah-related matters. For this purpose, several documents, including meeting minutes and fatwa decisions, have been collected and analyzed to gain an understanding of MJPS's role in managing Shariah risks at USIM. The study found that MJPS indeed plays a role in managing Shariah-related risks arising at USIM through advice and recommendations for the implementation of matters referred to them based on principles that are in accordance with Islamic law.

**Keywords:** Risk management, Shariah risks, Islamic Legal Advisory Center

## ABSTRAK

Universiti awam di Malaysia pada masa kini amat menekankan aspek pengurusan risiko dalam tadbir urusnya. Ini dapat dilihat melalui penubuhan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang menyelaras dan memantau pelaksanaan pengurusan risiko di universiti tersebut. Dalam syariat Islam pengurusan risiko mempunyai maksudnya yang tersendiri meliputi pelbagai bentuk penasihat, kawalan dan pendekatan demi menjamin semua perkara yang melibatkan pembangunan polisi, garis panduan atau produk, perlu mematuhi prinsip-prinsip syarak. Kajian secara kualitatif ini akan melihat peranan MJPS USIM dalam mengurus risiko syariah dalam tadbirurus di USIM sesuai dengan peranannya untuk membantu dan menasihati USIM dalam hal-hal yang berkaitan dengan Syariah. Untuk tujuan itu, beberapa dokumen daripada minit mesyuarat dan keputusan fatwa telah dikumpul dan dianalisis untuk mendapat gambaran peranan MJPS dalam mengurus risiko syariah di USIM. Kajian mendapati MJPS sememangnya berperanan dalam mengurus risiko berkaitan isu-isu syariah yang timbul di USIM melalui penasihat dan cadangan pelaksanaan terhadap apa-apa perkara yang dirujuk berdasarkan prinsip-prinsip yang bersesuaian dengan hukum syarak.

**Kata Kunci:** Pengurusan risiko, risiko syariah, Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah

## PENGENALAN

Konsep pengurusan risiko merupakan konsep yang penting dan kompleks. Dalam Islam aspek pengurusan risiko dititikberatkan dalam soal membuat perancangan dan tata kelola yang baik untuk kemaslahatan pada masa yang akan datang. Firman Allah SWT dalam Surah Luqman, ayat 34:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ  
مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya hanya di sisi Allah ilmu tentang hari Kiamat; dan Dia yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan dikerjakannya besok. Dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana.

Ayat ini mengajar kita tentang risiko ketidakpastian masa hadapan dan pentingnya untuk kita berusaha dan berdoa untuk kebaikan masa hadapan.

Sementara dalam satu hadis Nabi SAW pernah berkata kepada seorang lelaki pemilik unta:

اعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ

Maksudnya: Ikatlah (untamu), baru kamu bertawakkal.

(Riwayat Ibn Hibban: 751)

Rasulullah SAW memerintahkan kepadanya untuk tidak mengambil risiko dan menyerah kepada keadaan tanpa melakukan usaha terlebih dahulu dan bertawakkal kepada Allah SWT. Justeru, hendaklah wujud usaha dalam sesuatu perkara di samping penyerahan urusan kepada Allah SWT.

## **DEFINISI PENGURUSAN RISIKO SYARIAH**

Risiko menurut Kamus Dewan (2005) bermaksud kemungkinan mendapat bahaya atau kerugian, ia juga ditakrifkan sebagai akibat atau hasil yang kurang menyenangkan (daripada sesuatu tindakan dll). Walaubagaimanapun menurut Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman et. al. (2021), sehingga hari ini, masih tidak terdapat definisi khusus bagi risiko, kecuali ditakrifkan berdasarkan sektor atau bidang-bidang berkaitan seperti insurans, ekonomi, tempat kerja dan lain-lain.

Dalam konteks ekonomi misalnya, Muhamad Zuhaili Bin Saiman dan Ahmad Dahlan Bin Salleh (2017) mendefinisikan risiko sebagai musibah yang boleh mendatangkan kerugian dalam urusan niaga sama ada perniagaan dan pelaburan.

Risiko di tempat kerja pula seringkali dikaitkan dengan aktiviti berhubung dengan pekerjaan yang dilakukan menyebabkan kemudaratan terhadap seseorang pekerja. Apabila risiko ini tidak dikawal, ianya akan mencetuskan kemalangan di tempat kerja. Bagi mengelakkan kemalangan ini berlaku, langkah kawalan dan pencegahan perlu diamalkan di tempat kerja (Umami Nadiyah binti Yusoff. 2016)

Sementara, risiko syariah yang dimaksudkan penulis dalam konteks ini merujuk kepada apa-apa risiko yang mungkin timbul dan boleh mendatangkan kerugian kepada universiti sekiranya tiada sebarang cadangan, tindakan pembetulan dan alternatif disyorkan dari sudut pandang hukum syarak terhadap sesuatu isu atau produk dikeluarkan oleh universiti.

Keterdedahan kepada risiko tersebut memerlukan kaedah dan pendekatan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Pengurusan risiko adalah merujuk kepada suatu proses menyeluruh bagi institusi untuk mematuhi maksud dan ketetapan strategi, mengenal pasti jenis risiko yang memberi kesan kepada institusi, impak risiko dalam nilai kewangan, dan kemungkinan kawalan dalaman yang perlu diimplementasikan bagi menguruskan sebarang potensi ancaman (Rahman et al., 2014).

Dalam konteks ini, Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS), Universiti Sains Islam Malaysia berperanan dalam mengurus risiko syariah secara dalaman melalui penasihat dan cadangan terhadap apa-apa perkara termasuk polisi, garis panduan dan produk yang ingin disyorkan universiti mestilah menepati hukum syarak dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah.

## **PENGENALAN MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL SYARIAH (MJPS), USIM**

Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah ditubuhkan pada 10 Januari 2017. Jawatankuasa ini pada asalnya diletakkan di bawah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM. Berkuatkuasa pada 1 Januari 2021, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 47/2020 yang bersidang pada 1 Disember 2020 telah bersetuju menubuhkan pusat tanggung jawab baharu iaitu Bahagian Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH). JKPU turut bersetuju untuk menempatkan Unit Pematuhan Syariah di bawah SCIROSH bersama dengan unit lain yang diselaras oleh Penyelaras Syariah yang telah dilantik secara Jawatan Khas Pentadbiran. Seterusnya, mulai tahun 2023, ia ditukar daripada pusat tanggungjawab berstatus Bahagian kepada Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH).

Fungsi MJPS yang telah dgariskan ialah seperti berikut:

- i. Membantu dan menasihati USIM dalam hal-hal yang berkaitan dengan Syariah apabila perlu;
- ii. Meluluskan sesuatu cadangan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Panel Syariah USIM menepati hukum syarak dan sesuai dipertimbangkan oleh USIM untuk dilaksanakan;
- iii. Meneliti serta memberi pandangan dari sudut hukum syarak ke atas sebarang cadangan yang dikemukakan ke Jawatankuasa Panel Syariah USIM;
- iv. Mencadangkan penambahbaikan serta alternatif ke atas sebarang cadangan yang telah diputuskan sebagai kurang bertepatan dengan kehendak hukum syarak (sekiranya bersesuaian);
- v. Mengesyorkan sebarang cadangan yang difikirkan sesuai dilaksanakan oleh USIM dalam mencapai matlamat penubuhannya;

vi. Mengemukakan hujah berupa dalil syari'e bagi menyokong pandangan mengenai sesuatu cadangan sekiranya bersesuaian); dan

vii. Menyemak dan mengesahkan dokumen-dokumen, manual-manual, polisi dan garis panduan yang berkaitan yang mengandungi terma dan syarat bagi memastikan produk-produk USIM mematuhi prinsip-prinsip syariah.

Pada masa ini, MJPS dianggotai oleh seramai tujuh (7) orang ahli tetap yang dipengerusikan oleh seorang Pengerusi yang dilantik dari kalangan ahli tetap. Manakala seramai enam (6) orang ahli bersekutu juga turut dilantik bagi mengganggotai Jawatankuasa ini. Tertakluk kepada bidangkuasa Pengerusi, ahli-ahli tertentu boleh dijemput khas sebagai ahli mesyuarat berdasarkan kepada keperluan isu dan mesyuarat. Prod. Dr. Irwan bin Mohd Subri merupakan Pengerusi terkini JPS mulai tahun 2023.

MJPS pada kebiasaannya diadakan enam (6) kali setahun, walaubagaimanapun ia bergantung juga kepada isu yang perlu dibincangkan. Mesyuarat-mesyuarat hendaklah diadakan pada tarikh-tarikh tertentu yang ditetapkan terlebih dahulu. Jika sesuatu mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan oleh kerana sesuatu sebab, kecuali ketiadaan kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah ditunda ke tarikh yang lain dalam tempoh empat belas hari (14) atau tempoh yang munasabah. Kuorum untuk mesyuarat ialah separuh (1/2) atau empat (4) orang daripada bilangan ahli tetap yang berada di Malaysia pada masa itu termasuk Pengerusi. Manakala ahli bersekutu adalah berdasarkan kepada jemputan bagi sesuatu isu.

Keputusan JPS perlulah dilaporkan kepada Naib Canselor manakala minit mesyuarat perlu disalinkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU).

### **PERANAN MJPS DALAM MENGURUS RISIKO SYARIAH DI USIM**

Sebagaimana fungsi MJPS yang disebutkan di atas, ia bertindak sebagai penasihat USIM dalam isu-isu yang berkait dengan hukum hakam syarak yang ingin dilaksanakan oleh USIM.

Secara amnya, pengurusan isu-isu syariah yang dikemukakan oleh pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) di USIM dibincang dalam mesyuarat yang dianggotai oleh pakar-pakar Syariah dan lainnya yang dilantik oleh USIM. Mereka akan berbincang, meneliti, menilai risiko dan menganalisa sesuatu isu yang dikemukakan sebelum mencadangkan penyelesaian ataupun alternatif yang sesuai untuk isu tersebut.

Keputusan pada asasnya dibuat berdasarkan metodologi istinbat hukum dengan melihat kepada keutamaan sumber hukum meliputi sumber disepakati (al-Quran, Hadis, Ijma; dan Qiyas) atau tidak disepakati (al-Masalih al-Mursalah, al-Istihsan, Qaul al-Sahabi, Sadd al-Zaraie' dll) dalam syariat Islam. Penggunaan kaedah fiqh yang bersesuaian juga diambilkira dalam menyokong sesuatu keputusan yang dikeluarkan.

Selain itu, keputusan hukum yang selari dengan maqasid syariah juga turut diperhatikan dalam memastikan kepatuhan syariah berlaku, pemeliharaan agama (hifz al din) merupakan teras penting dalam mengesyorkan sesuatu keputusan JPS kerana fungsinya adalah untuk memastikan semua perkara, program dan produk keluaran USIM mestilah mematuhi prinsip agama (syariah) dalam pelaksanaannya. Pemeliharaan terhadap maqasid syariah yang lain juga turut dinilai dalam mengurus risiko produk USIM samaada bersifat perkhidmatan atau pengkomersilan. Pemeliharaan terhadap harta (hifz al mal) dan maruah (hifz al-ard) misalnya turut diambilkira dalam membuat keputusan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2017 sehingga sekarang (Jun 2023) sebanyak 29 kali mesyuarat telah diadakan dan bilangan isu yang dibincang oleh JPS menjangkau 85 isu. Antara isu yang seringkali menjadi agenda perbincangan ialah berkaitan Syariah yang melibatkan masalah pengurusan kewangan universiti seperti penyertaan dalam pertandingan, denda lewat pemulangan pakaian, perjanjian kontrak dan seumpamanya. Selain itu, terdapat juga isu wakaf dan zakat seperti zakat pendapatan universiti dan garis panduan penggunaan sumber zakat dan wakaf USIM. Isu sosial juga turut dibincang seperti isu ikhtilat (percampuran) pelajar dan kakitangan universiti, garis panduan penganjuran program yang dibenarkan, gangguan seksual dan isu pelbagai seperti cadangan pelupusan mashaf al-Quran (Kertas JKPU, 2023)

Berikut merupakan beberapa contoh isu dan keputusan yang telah dibuat oleh MJPS yang menggambarkan betapa aspek risiko syariah sememangnya diambilkira dalam memutuskan pandangan dalam sesuatu isu atau polisi yang ingin dilaksanakan di USIM secara khususnya.

**i. Penerimaan Dan Penggunaan Dana Tidak Patuh Syariah Oleh USIM (Kertas MJPS 5/2021 dalam MJPS Bil.2/2021 pada 25 Jun 2021).**

**Perincian Isu:**

Mengambilkira faktor sumber kewangan universiti yang semakin terbatas, Pejabat Penolong Naib Canselor Penjanaaan dan Kelestarian Kewangan (PNC PKK) telah diminta untuk meneroka sumber pendanaan baharu seperti dana tidak patuh Syariah untuk manfaat dan keperluan umum universiti. Persoalan yang timbul adalah, dari perspektif Syariah, bolehkah USIM menerima dana tersebut dan menguruskannya bagi manfaat umum universiti?

**Keputusan:**

- a) Pihak MJPS mencadangkan agar pihak PNC (PKK) mengemaskini usul yang dicadangkan sebelum dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk kelulusan mengambil kira perkara seperti berikut:
  - i. USIM boleh menerima wang tidak patuh syariah yang disumbangkan oleh mana-mana pihak ke dalam hanya Satu Tabung Dana Khas Sahaja tanpa mencampur aduk dengan tabung yang lain bagi mengelakkan percampuran wang dana dari sumber yang patuh syariah.
  - ii. Mengubah atau mengemaskini ayat bagi Perkara No. 9: Kaedah Makluman Kepada Penyumbang – Makluman kepada penyumbang dibuat secara tidak langsung melalui kenyataan di dalam surat-surat tajaan: “Pihak universiti menerima sumbangan Tidak Patuh Syariah untuk tujuan/masalah umum. Sumbangan dana Tidak Patuh Syariah dimasukkan ke akaun bank USIM iaitu 555 - xxxxx - xxxxx” agar tidak menunjukkan USIM ingin memohon Wang Tidak Patuh Syariah ini bagi mengelakkan sebarang isu yang lebih besar.
  - iii. Mencadangkan bahawa hasil simpanan Dana Wang Tidak Patuh Syariah yang disimpan di dalam Bank Patuh Syariah perlu digunakan juga dan tidak hanya disimpan untuk mendapatkan hasil sahaja.
  - iv. Pendanaan Wang Tidak Patuh Syariah ini boleh terus dilaksanakan setelah diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan pada masa yang sama satu surat atau notis pemakluman kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) perlu dibuat berkenaan perkara ini.
  - v. Mencadangkan agar USIM dapat menyemak semula penjanaaan oleh mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTJ) USIM yang lain atau dasar kewangan USIM sendiri yang tidak patuh syariah maka perlu disalurkan kepada Tabung Dana Wang Tidak Patuh Syariah ini.
  - vi. Mencadangkan agar penggunaan wang Dana Tidak Patuh Syariah ini digunakan hanya untuk manfaat umum atau bersama kakitangan dan pelajar USIM sahaja serta diwar-warkan penggunaan wang ini kepada umum untuk makluman semua pihak.

### **Ulasan Risiko Syariah:**

Dalam isu penggunaan wang tidak patuh syariah ini antara risiko syariah telah dikenalpasti iaitu sejauhmana hukum penggunaan wang tidak patuh syariah dalam konteks kegunaan USIM?

Dalam negara ini, hukum mengenai wang yang tidak patuh syariah telah diputuskan sejak dahulu lagi iaitu melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-3 pada 21hb. Jun 1971 yang telah memutuskan:

i. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.

ii. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang Muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan masalah umum.

Manakala dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009 pula, telah dinyatakan iaitu:

“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

i. Diserahkan kepada baitulmal untuk masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;

ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau

iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada baitulmal”.

### **ii. Pandangan MJPS Berhubung Staf USIM Yang Enggan Divaksin (Perbincangan Khas MJPS pada 10 September 2021)**

#### **Perincian Isu:**

Ahli mengambil maklum berkenaan permintaan pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk mendapatkan pandangan berhubung staf yang enggan divaksin dari sudut pandang Jawatankuasa Panel Syariah Universiti dan memohon cadangan atau syor terbaik untuk dikemukakan kepada JKPU/LPU.

#### **Keputusan:**

Jawatankuasa Panel Syariah USIM telah membuat ketetapan untuk memberikan cadangan kepada JKPU/LPU berkaitan isu vaksinasi Covid-19 seperti berikut:

i. Tiada halangan untuk Pengurusan Tertinggi USIM mewajibkan semua kakitangan dan pelajar USIM mengambil vaksin Covid-19 dan menetapkan hanya individu yang telah melepasi tempoh 14 hari selepas vaksinasi dos kedua sahaja (satu dos sahaja jika jenis vaksin dos tunggal) yang dibenarkan memasuki kawasan kampus universiti. Ketetapan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk

mencapai sasaran imuniti kelompok (herd immunity) sebagai usaha mengekang penularan wabak Covid-19.

ii. Ketetapan mewajibkan vaksin adalah juga seiring dengan resolusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) ke- 10 yang bersidang pada 3 Disember 2020 yang menetapkan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.

iii. Ketetapan yang bersandarkan resolusi ini adalah selari dengan dalil-dalil seperti firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 bermaksud: “Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil)” dan hadis Rasulullah SAW yang berbunyi: ‘Tidak boleh melakukan sesuatu yang memudaratkan dan tidak boleh memberikan mudarat kepada orang lain.’”

iv. Ketetapan ini juga disokong oleh kaedah-kaedah fiqh seperti ‘urus tadbir pemimpin ke atas rakyat adalah berlandaskan kepada masalah’ dan ‘sesuatu kewajipan yang tidak dapat disempurnakan melainkan dengan sesuatu perkara, maka perkara tersebut juga menjadi wajib.’ Atas semangat ini, pengambilan vaksin adalah suatu kaedah yang menepati prinsip maqasid Syariah yang salah satu dari elemen pentingnya ialah menjaga nyawa.

v. Walaupun hukum asal vaksin adalah harus, namun pengurusan USIM sebagai pihak berkuasa di dalam USIM berhak untuk membuat ketetapan yang dirasakannya perlu seperti mewajibkan pengambilannya untuk kemaslahatan warganya.

vi. Apabila pengambilan vaksin diwajibkan oleh pengurusan USIM, maka adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan USIM untuk mengambilnya kecuali bagi kakitangan yang mempunyai keuzuran syarie dari segi perubatan yang disahkan oleh pakar. Pengecualiaan ini juga adalah tertakluk kepada syarat- syarat yang akan ditetapkan seperti keperluan membuat prosedur swab/calitan berkala sebelum memasuki kampus universiti serta syarat-syarat lain yang akan diperincikan kemudian.

vii. Bagi membantu kelancaran proses vaksinasi dalam kalangan kakitangan USIM, ketua-ketua Jabatan/PTj boleh memainkan peranan masing-masing untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan kakitangan di bawah tanggungjawab masing-masing mengambil vaksin.

### **Ulasan Risiko Syariah:**

Dalam isu berhubung staf USIM yang enggan divaksin, antara risiko syariah telah dikenalpasti iaitu adakah boleh pihak Pengurusan Tertinggi USIM memaksa staf USIM mengambil suntikan vaksin Covid-19 walaupun dia enggan melakukannya?

Menurut hukum syarak, pihak pemerintah (berkuasa) boleh melaksanakan apa-apa perintah untuk tujuan kebaikan orang bawahannya, sesuai dengan kaedah fiqh “urus tadbir pemimpin ke atas rakyat adalah berlandaskan kepada masalah”. Tambahan pula pihak berkuasa agama dalam negara Malaysia iaitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020 yang menetapkan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan. dan fatwa negara Islam juga bersetuju vaksin tersebut adalah halal dan boleh diambil oleh orang Islam.

**iii. Hukum Wanita Menyertai Atau Melakukan Senamrobik di Tempat Awam (Khusus Bagi Staf Pusat Tamhidi Dan Staf USIM Secara Umum) (Kertas MJPS 10/2022 dalam MJPS Bil.5/2022 pada 28 Oktober 2022).**

### **Perincian Isu:**

Pada 12 Ogos lalu, Pusat Tamhidi telah menganjurkan program hari Taaruf bersama pelajar baharu ambilan sesi akademik 2022/2023. Program tersebut berbentuk outdoor di mana ia dijalankan dalam 2

peringkat. Peringkat pertama senamrobik, dan peringkat kedua berjalan mengelilingi USIM sambil berkenalan dengan fakulti-fakulti yang terdapat di USIM.

Isu berbangkit ialah berkenaan senamrobik bilamana terdapat komentar daripada salah seorang AJK program mengutarakan bantahan untuk tidak meneruskan senamrobik atas alasan aktiviti ini tidak syarie. Beliau telah menunjukkan rakaman video ust Azhar Idrus (UAI) daripada youtube dan pendapat daripada ust Shauqi salah seorang tenaga pengajar di Baitul Qurra' Sungai Udang Melaka. Kedua-dua tokoh agama ini berpendapat bahawa senamrobik bagi wanita adalah haram. Justeru, beliau menolak untuk menyertai aktiviti ini dengan alasan tidak mahu bersubahat dengan perkara haram.

### **Keputusan:**

- a) Pihak MJPS menyatakan hukum bersenam adalah harus dan pihak penganjur perlu mengikut garis panduan hiburan dalam Islam seperti yang diputuskan oleh pihak JAKIM seperti berikut: -
  - i. Menyusun barisan lelaki dan perempuan (lelaki di hadapan dan perempuan di belakang seperti saf solat)
  - ii. Melarang pemakaian yang diklasifikasikan sebagai tidak senonoh dan keterlaluan
  - iii. Menghadkan kepada aktiviti yang tidak menyebabkan pergerakan terlalu banyak dan boleh diklasifikasikan sebagai terkinja-kinja
  - iv. Melarang bersolek
  - v. Muzik tidak keterlaluan.
- b) Pihak MJPS BERSETUJU menyokong usul yang dicadangkan oleh pihak Pusat Tamhidi dan menyarankan mana-mana penganjur program senamrobik di USIM untuk merujuk garis panduan hiburan yang telah disenaraikan oleh pihak JAKIM.

### **Ulasan Risiko Syariah:**

Dalam isu berhubung wanita menyertai senamrobik di tempat awam, antara risiko syariah telah dikenalpasti ialah terdapat perbezaan pandangan ulama tentang hukum wanita melakukan aktiviti di tempat terbuka atau awam.

Secara amnya, sesuatu perbuatan adalah harus dilakukan sehinggalah terdapat perkara-perkara haram yang mengiringinya (*haram lighairih*). Begitulah juga dengan senamrobik dan seumpamanya, jika tidak terdapat unsur haram seperti melibatkan percampuran lelaki perempuan secara tidak terkawal, berpakaian tidak menutup aurat, tabarruj dan sebagainya maka ia tidak dibenarkan, tetapi sekiranya sebaliknya maka hukumnya adalah harus. Pihak JAKIM telahpun mengeluarkan garis panduan yang boleh dijadikan panduan dalam menganjurkan aktiviti senamrobik yang tidak bertentangan dengan syariat.

### **KESIMPULAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS), Universiti Sains Islam Malaysia sememangnya berperanan dalam mengurus risiko yang berkaitan dengan isu-isu syariah yang timbul di USIM melalui penasihat dan cadangan terhadap apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya. Antaranya termasuk polisi, garis panduan dan produk yang ingin disyorkan universiti.

Dalam mengurus kepelbagaian isu tersebut ahli mesyuarat akan berbincang, meneliti, menilai risiko dan menganalisa sesuatu isu yang dikemukakan sebelum mencadangkan penyelesaian ataupun alternatif yang sesuai untuk isu tersebut dengan menggunakan metodologi istinbat hukum, selain menggunakan kaedah fiqh yang bersesuaian dan melihat kepada hukum yang selari dengan objektif syarak. Hasilnya



banyak permasalahan dapat diselesaikan, begitu juga polisi dan produk yang telah berjaya dibangunkan sesuai dengan kehendak syarak.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Catatan Perbincangan Khas Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). WhatsApp Group. 2.45 ptg. 10 Oktober 2021. Disahkan oleh YBhg. Profesor Dr. Amir Husin Mohd Nor, Pengerusi, Jawatankuasa Panel Syariah.

Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad. 2012. Sahih Ibn Hibban. Beyrut. Dar Ibn Hazm.

Kertas JKPU, 2023. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke- 879 Bil.16/2023. Universiti Sains Islam Malaysia. 19 Zulkaedah 1444h / 8 Jun 2023 (Khamis)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS) Kali Ke-20 Bil. 2/2021 Universiti Sains Islam Malaysia. Bersidang pada 25 Jun 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS) Kali Ke-27 Bil. 5/2022. Universiti Sains Islam Malaysia. Bersidang pada 28 Oktober 2022.

Muhamad Zuhaili Bin Saiman dan Ahmad Dahlan Bin Salleh. 2017, Risiko Terhadap Keuntungan Dalam Instrumentransaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat. Dalam: Journal of Contemporary Islamic Law, Vol. 2(1) (2017). <http://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2017/07/JCIL-2017-21-Article-2.pdf> (Akses 4 September 2023)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-3 pada 21hb. Jun 1971

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-10 pada 3 Disember 2020.

Rahman, R. A., Alsmady, A., Ibrahim, Z., & Muhammad, A. D. (2014). Risk Management Practices In Islamic. The Journal of Applied Business Research, 30 (5), 1295-1304.

Umami Nadiah binti Yusoff. 2016. Pengurusan Risiko Di Tempat Kerja. Dlm. <http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-risiko-di-tempat-kerja/> (Akses 7 September 2023)

Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman et. all. 2021. Pengurusan Risiko Menurut Perspektif Syarak: Satu Kajian Tinjauan Di Institusi Wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih. [https://www.researchgate.net/publication/352295427\\_Pengurusan\\_Risiko\\_Menurut\\_Perspektif\\_Syarak\\_Satu\\_Kajian\\_Tinjauan\\_Di\\_Institusi\\_Wakaf\\_Majlis\\_Agama\\_Islam\\_Negeri\\_MAIN\\_Terpilih](https://www.researchgate.net/publication/352295427_Pengurusan_Risiko_Menurut_Perspektif_Syarak_Satu_Kajian_Tinjauan_Di_Institusi_Wakaf_Majlis_Agama_Islam_Negeri_MAIN_Terpilih) [Akses 4 september 2023].